

Pak Lah ganti Dr M Oktober tahun depan

BH 2 6 JUN 2002

Oleh Kadii Dikoh

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menggantikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai pemimpin parti dan kerajaan selepas sidang puncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di sini Oktober tahun depan.

Sehingga tempoh itu, Dr Mahathir, yang kini bercuti di Itali, terus memegang semua jawatannya sama ada dalam Umno, Barisan Nasional (BN) dan kerajaan, termasuk sebagai Menteri Kewangan.

Dalam tempoh peralihan kuasa itu, Abdullah akan memangku jawatan Perdana Menteri, Presideh Umno dan Pengerusi BN apabila Dr Mahathir bercuti.

‘Saya amat terharu dengan sokongan yang diberikan oleh ahli MT kepada apa yang dihasratkan oleh Dr Mahathir. Dengan tempoh ditetapkan itu juga, maka akan berlaku peralihan kuasa secara tersusun dan teratur seperti yang biasa berlaku dalam Umno’

- Timbalan Presiden Umno
Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi

Abdullah sebagai penggantinya dan MT memberi sokongan sebulat suara mengenai keputusan itu;

● Perdana Menteri menetapkan peletakan jawatannya akan berlaku selepas sidang puncak OIC yang dija-

sikan sidang puncak Negara Berkecuali (NAM) pada 24 dan 25 Februari 2003 dan sidang puncak OIC; dan

● Perdana Menteri juga menjelaskan bahawa selepas peletakan jawatan dalam Umno, BN dan kerajaan,

Perkara ini dicapai dalam pertemuan Jawatankuasa Pengurusan Umno dengan Dr Mahathir sebelum Perdana Menteri berlepas untuk ber-cuti ke luar negara, di Putrajaya pagi Ahad lalu.

Hasil pertemuan itu dilaporkan pada mesyuarat khas Majlis Tertinggi (MT) Umno yang dipengerusikan Abdullah dan dioerakukan oleh Dewan Tertinggi BN hi sini petang ini.

MT Umno, dalam kenyataan yang dibacakan Setiausaha Agungnya, Tan Sri Khalil Yaakob selepas mesyuarat hampir dua jam itu, menyatakan:

● MT Umno menerima dan mengesahkan laporan Jawatankuasa Pengurusan yang mana Dr Mahathir menghargai kepercayaan ahli Umno dan rakyat agar beliau terus menerajui kepemimpinan parti dan negara. Bagaimanapun, Dr Mahathir memutus-kan untuk tetap berundur dan melepaskan semua jawatannya dalam Umno, BN dan kerajaan;

● Dr Mahathir telah menetapkan

dualkan pada 24 dan 25 Oktober 2003. Dalam tempoh sebelum persidangan itu, beliau akan terus memegang semua jawatannya dalam parti

beliau akan terus menyumbang tenaga dan pandangan untuk kemajuan parti. Beliau mahu semua ahli parti sentiasa bekerjasama dan mengu-

Jangan persoal proses peralihan kuasa: Musa Hitam - Muka 3
Pemimpin peringkat negeri akur keputusan Dr M - Muka 4

dan kerajaan;

● Dalam tempoh sebkum persidangan OIC itu, Dr Mahathir akan ber-cuti dua bulan yang mana Abdullah akan dilantik sebagai Pemangku Presiden Umno dan Pemangku Perdana Menteri. Abdullah juga akan memangku kedua-dua jawatan itu bila-bila masa apabila Dr Mahathir ber-cuti dalam tempoh itu;

● Dr Mahathir telah menjelaskan bahawa masa peletakan jawatan yang ditetapkan itu bertujuan membolehkan peralihan kuasa dan tugas secara teratur serta memenuhi tanggungjawab yang beliau berasakan perlu dipenuhi seperti mempengeru-

kuhkan parti untuk kejayaan perjuangan Umno.

Kenyataan yang disiarkan secara langsung ke seluruh negara oleh RTM dan TV3 itu, juga menegaskan, MT Umno menghormati dan menerima hasrat Dr Mahathir itu.

“MT Umno juga menyeru kepada ahli parti untuk menghormati hasrat Dr Mahathir itu. Ahli parti perlulah bersatu, bersama-sama mengukuhkan kedudukan parti bagi menghadapi cabaran meneruskan perjuangan untuk bangsa, agama dan negara,” jelas kenyataan itu.

LIHAT MUKA 2

Abdullah tidak mendahului Dr Mahathir

DARI MUKA 1

Pengumuman itu menamatkan pelbagai spekulasi sejak Dr Mahathir mengumumkan peletakan jawatannya ketika menggulung perbahasan di perhimpunan agung Umno 2002 petang Sabtu lalu.

Esok adalah hari ulang tahun ke-21 Dr Mahathir menyandang jawatan Presiden Umno dan 16 Julai ini pula ulang tahun ke-21 sebagai Perdana Menteri keempat negara.

Abdullah, ditanya pemberita selepas itu berkata, beliau terharu dengan sokongan semua pihak terhadap keputusan itu dan yakin perpaduan parti akan terus kukuh dengan semangat bersatu padu dan bermuafakat khususnya oleh anggota MT

“Jika ada sesiapa yang nak buat andaian setelah Perdana Menteri (Dr Mahathir) tak ada lagi, kita akan jadi kelim kabut. Saya ingat ini tidak akan berlaku dengan semangat yang ditunjukkan pada mesyuarat yang diadakan tadi,” katanya.

Semua lima Naib Presiden yang hadir dalam sidang akhbar itu turut menyatakan sokongan penuh terhadap pemilihan Abdullah sebagai pengganti Dr Ma-

hathir selepas Oktober 2003 dan patuh kepada keputusan Perdana Menteri untuk meletak jawatan.

Mereka - Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, Ketua Wanita Datuk Seri Rafidah Aziz dan Ketua Pemuda Datuk Hishammuddin Hussein - menyatakan pendirian masing-masing dalam sidang akhbar itu.

Sebelum mesyuarat MT itu bermula, semua Pengerusi Perhubungan Umno Negeri juga mengadakan pertemuan sesama mereka dengan menyatakan sokongan penuh terhadap keputusan yang dibuat oleh Dr Mahathir.

Ditanya sama ada mesyuarat MT hari ini membincangkan soal pemilihan parti pada tahun depan, Abdullah berkata hal berkaitan dengan mesyuarat agung yang akan datang, tidak timbul ketika ini.

“Yang dibincangkan hari ini ialah berkaitan dengan hasrat (peletakan jawatan) Perdana Menteri,” katanya.

Abdullah percaya Perdana Menteri membuat perancangan teliti dengan menetapkan supaya ada kepastian selepas pesa-

raannya apabila menyebut tarikh untuk meletak jawatan dan pemilihan pengganti.

“Kebetulan saya sendiri dan saya amat terharu dengan sokongan yang diberikan oleh ahli MT kepada apa yang dihasratkan oleh Dr Mahathir. Dengan tempoh ditetapkan itu juga, maka akan berlaku peralihan kuasa secara tersusun dan teratur seperti yang biasa berlaku dalam Umno.

“Dengan itu, pada masa ini, pada saya Dr Mahathir masih Perdana Menteri, masih Presiden Umno, masih Pengerusi BN. Saya hanya sekadar timbalannya dan terus bekerja seperti biasa sebagai timhalan kepada beliau. Jika beliau tidak ada, saya sebagai pemangku,” katanya.

Ditanya sama ada Umno kekal dengan tradisi yang mana salah seorang Naib Presiden akan turut dinaikkan, beliau berkata perkara itu tidak dibincangkan.

Abdullah tidak menjawab tetapi cuma ketawa apabila ditanya pada akhir sidang akhbar itu mengenai siapa bakal dilantik Timbalan Perdana Menteri selepas beliau dilantik menerajui negara.

Mengenai tugas utamanya sehaik apabila memangku jawatan

Perdana Menteri apabila Dr Mahathir bercuti sebelum Oktober 2003, Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata perkara itu akan dibincang dengan Dr Mahathir.

Ditanya sama ada Dr Mahathir tidak lagi berkesan sebagai seorang Perdana Menteri (Lame Duck Prime Minister) dalam tempoh hingga Oktober tahun depan, Abdullah berkata:

“Itu hanya dalam kepala anda. Dari segi keberkesanan kerja, dari segi status Dr Mahathir, akan tetap dipelihara sebagai Perdana Menteri dan Presiden parti. Kita masih patuh kepadanya dan akan bekerja seperti biasa seolah-olah tidak ada faktor lain kerana beliau sudah ditetapkan tarikh untuk meletakkan jawatari.”

Abdullah menegaskan, dalam tempoh itu, beliau sama sekali tidak akan mendahului Dr Mahathir atau menonjolkan diri lebih daripada Perciana Menteri.

“Itu bukan caranya atau tiba-tiba nak keluarkan dasar baru dan sebagainya...ia tidak timbul. Kehadiran Presiden dan Perdana Menteri perlu dihormati dan begitulah kehendak kami semua yang bermesyuarat hari ini,” katanya.